

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktoper 2000**

**HMT 321 - Semantik Bahasa Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **SATU** [1] soalan dalam **Bahagian A** serta **SEMUA** soalan dalam **Bahagian B**.

**BAHAGIAN A (Pilih SATU [1] soalan sahaja)**

1. Apakah jenis-jenis utama *pertentangan leksikal*? Jelaskan dengan contoh-contoh.  
  
(25 markah)
2. Bolehkah *kehomoniman* dibezakan dari *polisemi*? Sekiranya ya, bagaimana? Sekiranya tidak, mengapa tidak?  
  
(25 markah)
3. Apakah jenis-jenis utama kekburan/kesamaran/ketaksaan makna? Bincangkan dengan contoh - contoh.  
  
(25 markah)
4. Apakah cirri-ciri asas *kehiponiman*?  
  
(25 markah)

**BAHAGIAN B (Jawab SEMUA soalan)**

5. Berikan pemerolehan ayat T yang penuh bagi setiap rangkaian PC di bawah ini, dengan menyediakan struktur-struktur dan menunjukkan bagaimana setiap langkah di dalam pemerolehan dijustikikasikan dengan aksiom atau rumus penghasilan. Apakah unsure-unsur yang harus ditambahkan kepada teori PC agar memperolehi ayat-ayat T yang sesuai bagi contoh-contoh di bawah ini?
- a. Adalah bukan demikian halnya bahawa Sham berfikir-fikir atau Suraida bersetuju.
  - b. Suraida bersetuju, dan adalah bukan demikian halnya bahawa Sham berfikir-fikir.
  - c. Adalah demikian halnya bahawa Sham berfikir-fikir.
  - d. Suraida bersetuju, meskipun Mahadi membantah.
  - e. Suraida bersetuju sekiranya adalah bukan demikian halnya bahawa Sham berfikir-fikir sekiranya dan hanya sekiranya Suraida bersetuju.

(25 markah)

6. Apakah yang harus kita perkatakan tentang cirri-ciri kejanggalan di dalam ayat (a). sehingga (c) dari sudut pandangan teori semantik?
- a. Tetikus kepada dirinya sendiri meminta agar dipukul.
  - b. Nombor 1 meminta suatu pemikiran untuk melumuri dirinya sendiri.
  - c. Suraida meminta Sham memukul diri Suraida.

(25 markah)

7. Pertimbangkan kaitan/hubungan logikosemantik di dalam a, b, dan c. Apakah status kaitan/hubungan ini dari sudut pandangan teori semantik? Mungkinkah mereka dapat diterangkan oleh hanya cuma teori semantik sahaja, dari teori linguistik sahaja, ataupun dari teori linguistik bersama dengan teori-teori yang lain-lain?
- a.  $\alpha$  merupakan sinonim kepada  $\beta$ .
  - b.  $\alpha$  menandakan  $\beta$ .
  - c.  $\alpha$  bercanggah dengan  $\beta$ .

(25 markah)